

MEMO UNIT PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN

Ruj.Kami: PMU/UPKK/01 (84)

Tarikh: 13 Mei 2019

PERKARA	MAKLUMAN PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN BAGI PELAJAR SENIOR SESI JUN 2019	
KEPADA	SEMUA PELAJAR POLITEKNIK MUKAH	s.k. : TPSA PENGURUS ASRAMA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pendaftaran kolej kediaman bagi **pelajar senior yang berjaya dalam permohonan** menduduki kolej kediaman adalah seperti ketetapan berikut:

Tarikh	27 Jun 2019
Masa	2.00 – 4.30 petang
Tempat	Kafeteria Kolej Kediaman

3. Sehubungan itu, semua pelajar mesti **berpakaian kemas, sopan, serta mempamerkan kad pelajar semasa mendaftar**. Kegagalan mematuhi etika pakaian dan tatarias Politeknik Mukah boleh menyebabkan pelajar dikenakan tindakan tatatertib dan dihalang daripada mendaftar kolej kediaman.

4. Hanya **pelajar yang ditawarkan kolej kediaman sahaja yang layak** mendaftar pada hari tersebut dan pelajar dimohon untuk membawa **salinan slip pembayaran kolej kediaman (RM60) dan membawa keputusan permohonan kolej kediaman** untuk kegunaan semasa pendaftaran. Kegagalan pelajar hadir pada hari pendaftaran menunjukkan pelajar **tidak berminat** untuk menginap di Kolej Kediaman untuk Sesi Jun 2019.

5. Bagi **pelajar yang tidak berjaya dalam permohonan**, boleh mengemukakan surat rayuan **bersama dokumen-dokumen sokongan** pada **27 Jun 2019**. Semua dokumen ini perlulah diserahkan kepada **Pengurus Kolej Kediaman atau Ketua Warden Kolej Kediaman dalam tempoh 8.30 – 11.00 pagi**. Keputusan permohonan rayuan tersebut akan dikeluarkan selewat-lewatnya pada **05 Julai 2019**.

6. Sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan Ketua Warden Kolej Kediaman. Kerjasama dari pelajar semua amat diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(SANMASTRI BINTI SANUSI)
Ketua Warden Kolej Kediaman
Politeknik Mukah
Sarawak